



SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

GP 29: GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKAUN DEPOSIT KOPERASI

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan untuk memperjelaskan lagi peruntukan yang terdapat dalam Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014 dan mengawalselia koperasi mengenai pelaksanaan Akaun Deposit Koperasi.

LATAR BELAKANG

2. Pemantapan keupayaan dan kebolehan gerakan koperasi boleh dicapai melalui penyenggaraan dana dalaman dan pemberian pembiayaan kepada anggota bagi menggalakkan pembangunan aktiviti dan perniagaannya. Gerakan koperasi di negara maju seperti di Eropah, Jepun dan Korea memainkan peranan penting dalam pembiayaan perniagaan kecil selain daripada pembiayaan kepada individu dan perniagaan berskala besar. Justeru, gerakan koperasi di Malaysia juga mempunyai potensi untuk mengembleng lebih dana untuk digunakan di dalam perniagaan koperasi.

3. Walau bagaimanapun, gerakan koperasi terpaksa melalui cabaran kewangan global dan telah mengalami masalah disebabkan oleh sistem tadbir urus dan pengurusanannya yang lemah sehingga terpaksa dibantu oleh kerajaan. Potensi koperasi untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi juga tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya kerana koperasi sukar mendapatkan pembiayaan daripada bank-bank walaupun koperasi juga adalah di kalangan penyumbang deposit terbesar dalam sektor perbankan. Oleh itu, adalah penting supaya sektor koperasi diperkasakan dan kapasiti kewangan serta kemampuan operasi dipertingkatkan agar koperasi dapat menuju ke arah kebebasan kewangan (*financial independence*) dengan mengurangkan kebergantungan bantuan kerajaan.

4. Justeru, bagi menyediakan persekitaran yang kondusif untuk gerakan koperasi menjalankan aktiviti perniagaan, satu kaedah telah dirumus bagi membolehkan sumber kewangan koperasi digunakan untuk memperluaskan akses pembiayaan kepada koperasi lain yang memerlukan untuk pengembangan perniagaan mereka. Di samping itu, pendekatan ini menyokong ke arah untuk memperbaiki persekitaran rangkuman kewangan peringkat negara agar ia dapat menjangkau golongan yang berpendapatan rendah dan kurang mendapat perhatian serta memartabatkan aktiviti pembiayaan mikro.

5. Di bawah kaedah ini, semua koperasi hendaklah mendeposit wang lebihan, yang kini banyak disimpan di institusi kewangan¹, ke dalam Akaun Deposit Koperasi (Akaun Deposit). Koperasi yang memerlukan sumber kewangan untuk membiayai pengembangan aktiviti perniagaan mereka boleh mendapatkan pembiayaan daripada Akaun Deposit berasaskan kepada kriteria kelayakan yang ditetapkan.

6. Akaun Deposit ini akan diuruskan oleh koperasi berkeelayakan sebagai Pengurus Akaun Deposit yang akan dikenalpasti oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

¹ Institusi kewangan merujuk kepada bank-bank komersial atau pelaburan yang menjalankan perbankan konvensional atau Islam dan institusi kewangan pembangunan yang berlesen di Malaysia.

KEPERLUAN PERUNDANGAN

7. Menurut subseksyen 43(1) Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 [Akta 665] dan Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014, semua koperasi dikehendaki mendepositkan kumpulan wang mereka yang tidak diperlukan dengan segera bagi operasi atau pelaburan ke dalam Akaun Deposit.

8. Manakala subseksyen 57(1E) Akta Koperasi 1993 [Akta 502] pula menghendaki Kumpulan Wang Rizab Statutori koperasi disenggara dalam suatu akaun yang berasingan di mana Kumpulan Wang Rizab Statutori berkenaan hendaklah dilaburkan dalam Akaun Deposit.

BAHAGIAN B : SUMBER DAN KEGUNAAN AKAUN DEPOSIT

SUMBER

9. Sumber dana Akaun Deposit hendaklah terdiri daripada–

- (a) wang lebihan sepertimana ditafsirkan menurut seksyen 2 Akta 502;
- (b) Kumpulan Wang Rizab Statutori sepertimana ditafsirkan menurut seksyen 2 Akta 502;
- (c) pendapatan daripada pelaburan wang di dalam Akaun Deposit yang diperoleh daripada sumber yang disebut dalam para (a) dan (b); dan
- (d) kumpulan wang yang dijana oleh Suruhanjaya menurut seksyen 35 Akta 665.

KEGUNAAN

10. Akaun Deposit diwujudkan dengan objektif untuk mengadakan persekitaran yang sesuai bagi koperasi menjalankan aktiviti. Akaun Deposit hendaklah digunakan bagi tujuan:

- (a) memberikan pembiayaan Islam atau kemudahan kredit kepada mana-mana koperasi bagi pembangunan aktiviti dan perniagaannya; dan
- (b) membayar apa-apa perbelanjaan yang berkenaan dengan pentadbiran Akaun Deposit.

BAHAGIAN C: PELAKSANAAN AKAUN DEPOSIT

SKOP APLIKASI

11. Sebagai permulaan, koperasi dikehendaki memindah atau mendepositkan Kumpulan Wang Rizab Statutori (KWRS) ke dalam Akaun Deposit.

12. Suruhanjaya akan mengeluarkan arahan bertulis kepada koperasi yang dikenalpasti supaya memindahkan wang KWRS koperasi ke dalam Akaun Deposit yang diurus oleh Pengurus Akaun Deposit selaras dengan kehendak seksyen 57(1E) Akta 502.

PENGOPERASIAN AKAUN DEPOSIT

13. Koperasi hendaklah mendeposit KWRS dan wang lebih berdasarkan kepada akaun audit terakhir ke dalam Akaun Deposit.

14. Sebagai permulaan, koperasi sedia ada yang mempunyai KWRS berdasarkan kepada akaun audit terakhir, hendaklah memindah dan menandatangani KWRS tersebut ke dalam Akaun Deposit.

15. Pengiraan jumlah KWRS yang perlu dipindah atau didepositkan kepada Akaun Deposit hendaklah selaras dengan **GP23: Garis Panduan Pelaporan Penyata Kewangan Koperasi** atau apa-apa arahan yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

Pengurusan Akaun Deposit

16. Akaun Deposit boleh dikendalikan oleh institusi yang dilantik oleh Suruhanjaya sebagai Pengurus Akaun Deposit.

17. Pengurus Akaun Deposit dikehendaki memberi pulangan ke atas deposit dan mengenakan kos pembiayaan yang kompetitif dengan kadar pasaran.

18. Pengurus Akaun Deposit hendaklah memenuhi keperluan layak dan sesuai sepertimana yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

Pendepositan Ke Dalam Akaun Deposit

19. Koperasi hendaklah memindah atau menandatangani wang KWRS ke dalam Akaun Deposit sepertimana kehendak Peraturan-Peraturan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Akaun Deposit Koperasi) 2014. Kegagalan koperasi memindah atau menandatangani wang KWRS dalam tempoh yang ditetapkan boleh dikenakan tindakan di bawah seksyen 55 (1) Akta 665.

20. Wang di dalam Akaun Deposit boleh dicagarkan atau dengan apa-apa cara lain bagi tujuan mendapatkan apa-apa pembiayaan tertakluk kepada syarat-syarat yang

dikenakan oleh Pengurus Akaun Deposit. Wang yang boleh dicagar tersebut adalah tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya.

Pengeluaran Deposit Daripada Akaun Deposit

21. Pengeluaran deposit boleh dibuat:

- (a) sekiranya nisbah KWRS daripada syer dan yuran telah melebihi kadar yang ditentukan dalam perenggan 57(1)(b) atau subseksyen 57(1A) Akta 502; atau
- (b) bagi membayar syer atau yuran yang dikeluarkan oleh anggota koperasi atau bagi menerbitkan syer bonus kepada anggota koperasi menurut subseksyen 57(1B) Akta 502 dengan syarat baki dalam KWRS itu hendaklah pada setiap masa tidak kurang daripada 15% daripada jumlah syer dan yuran koperasi berkenaan menurut Perenggan 27 Peraturan- Peraturan Koperasi 2010.

Pembiayaan

22. Mana-mana koperasi boleh mendapat pembiayaan daripada Akaun Deposit untuk mengembangkan perniagaannya tertakluk kepada syarat yang lazim dikenakan oleh pasaran seperti yang ditetapkan oleh Pengurus Akaun Deposit. Koperasi yang memohon pembiayaan boleh dikenakan yuran perkhidmatan yang berkaitan oleh Pengurus Akaun Deposit.

23. Pembiayaan yang ditawarkan kepada koperasi boleh dalam bentuk bercagar untuk memastikan risiko pembiayaan berada di tahap minimum.

24. Kadar pulangan terhadap pembiayaan daripada Akaun Deposit bergantung kepada kos pendanaan Akaun Deposit dan margin yang munasabah. Pengurus Akaun Deposit hendaklah memastikan kadar pulangan yang dikenakan adalah kompetitif.

Pelaburan

25. Pengurus Akaun Deposit boleh melaburkan wang Akaun Deposit dalam apa-apa cara tertakluk kepada dasar pelaburan yang diluluskan oleh Suruhanjaya seperti pasaran wang atau pasaran modal ke arah mengoptimumkan pulangan Akaun Deposit.

BAHAGIAN D : KEPERLUAN KAWAL SELIA

26. Dalam pelaksanaan Akaun Deposit, Lembaga koperasi mempunyai peranan yang lebih khusus untuk mencapai objektif Akaun Deposit.

Lembaga

27. Tanggungjawab Lembaga hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut–

- (a) pematuhan terhadap keperluan Akaun Deposit;
- (b) pemberitahuan dibuat kepada anggota mengenai pemindahan atau pendepositan KWRS ke dalam Akaun Deposit;
- (c) pemindahan atau pendepositan dibuat mengikut tempoh yang ditetapkan;
- (d) pengauditan penyata kewangan koperasi dijalankan tepat pada masanya;
- (e) penyediaan kertas kerja permohonan pembiayaan disokong dengan justifikasi, sekiranya koperasi perlu memohon untuk meminjam daripada Akaun Deposit;
- (f) pembayaran balik pembiayaan Akaun Deposit mengikut jadual yang telah ditetapkan;
- (g) penerimaan penyata tahunan Akaun Deposit koperasi daripada Pengurus Akaun Deposit;

- (h) penyenggaraan rekod Akaun Deposit koperasi adalah teratur dan betul; dan
- (i) penyediaan mekanisme dan prosedur yang berkesan bagi membolehkan KWRS dipindah atau didepositkan ke dalam Akaun Deposit.

Pelaporan

28. Pengurus Akaun Deposit akan mengemukakan penyata deposit dan pembiayaan Akaun Deposit milik koperasi, sekurang-kurangnya sekali dalam setiap tahun.


PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

29. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

30. Sekiranya terdapat apa-apa percanggahan atau ketidakselarasan di antara peruntukan yang terdapat di dalam garis panduan ini dengan peruntukan Akta 502 dan Akta 665, maka peruntukan Akta 502 dan Akta 665 hendaklah terpakai dan peruntukan mana-mana garis panduan yang bercanggah atau tidak selaras itu hendaklah setakat yang percanggahan atau ketidakselarasan itu disifatkan terbatal.

31. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai 1 Januari 2019.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(DATUK NORDIN BIN SALLEH)

Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh: 28 DEC 2018